



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**PERASMIAN TAYANGAN FILEM KITA -  
SABAH MENYAMBUT KEPELBAGAIAN**

**8 DISEMBER 2024 (AHAD)**

**AUDITORIUM TAN SRI DATO PADUKA KOO YUEN KIM JP,  
WISMA HUAZONG**

**Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.**

## **SALUTASI**

*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

## **PENDAHULUAN**

1. Hari ini kita berkumpul bagi meraikan sebuah karya istimewa, **Filem KITA – Sabah Menyambut Kepelbagaian**, yang menggambarkan keunikan dan keindahan Sabah sebagai negeri yang menyatukan kepelbagaian budaya, agama, dan bahasa di bawah satu bumbung Malaysia.
2. Oleh itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada **Gabungan Bertindak Malaysia (GBM) dengan kerjasama Sabah Unity In Diversity Community Partners (SUIDCP) dan Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Huazong)** atas pelaksanaan inisiatif ini.

## **SENI DAN FILEM SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN**

3. Kita berada di era di mana nilai-nilai murni dan rasa bangga terhadap sejarah dan perjuangan negara perlu **sentiasa disemarakkan**. Dalam masyarakat yang semakin dipengaruhi oleh pelbagai aliran budaya global, kita memerlukan platform untuk mengingatkan rakyat, terutama generasi muda, tentang pentingnya memahami asal usul dan jati diri kita sebagai rakyat Malaysia.

4. **Filem bertemakan kenegaraan memainkan peranan ini dengan menghidupkan semula kisah-kisah perjuangan, pengorbanan, dan perpaduan yang membina negara kita.** Ia adalah pelajaran sejarah yang disampaikan secara kreatif, menyentuh emosi, dan merapatkan jurang antara generasi.
5. **Seni perfileman adalah medium yang sangat berkuasa dalam menyampaikan mesej perpaduan dan kasih sayang.** KITA – Sabah Menyambut Kepelbagaian adalah salah satu contoh bagaimana seni boleh menjadi jambatan yang menghubungkan kita semua, tanpa mengira bangsa, agama, atau latar belakang.
6. Saya percaya bahawa filem ini bukan sahaja menghiburkan, tetapi juga mendidik kita tentang nilai-nilai perpaduan dan toleransi. Ia adalah peringatan bahawa kita, sebagai rakyat Malaysia, perlu **sentiasa menghormati perbezaan dan mencari titik persamaan untuk maju ke hadapan sebagai sebuah bangsa Malaysia.**
7. Sebagai Menteri Perpaduan Negara, saya berasa bangga melihat usaha seperti ini yang **sejajar dengan visi Malaysia MADANI dan Dasar Perpaduan Negara.** Kerajaan sentiasa komited untuk memperkukuh hubungan antara kaum dan membina negara yang harmoni. Saya **berharap lebih ramai**

**pembuat filem, seniman, dan penggiat seni akan tampil menghasilkan karya-karya yang mampu menyemarakkan semangat perpaduan dan patriotisme.**

8. Untuk makluman semua, menerusi Bajet 2025, YAB Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan **Dana Kandungan Digital (DKD) yang telah ditingkatkan kepada RM65 juta bagi mempromosi karya-karya terutamanya yang berteraskan semangat kenegaraan.** Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyokong usaha ini yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Digital.

9. Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha menyokong pertumbuhan industri kreatif yang semakin penting dalam **membentuk identiti negara dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP**

10. Filem ini adalah lebih daripada sekadar tontonan. **Ia adalah satu seruan kepada kita semua untuk terus menyemai semangat perpaduan dalam kehidupan harian.** Dalam dunia yang semakin mencabar ini, kita perlu bersatu padu dan tidak membiarkan perbezaan memecah-belahkan kita.

11. Saya menyeru rakyat Malaysia, khususnya generasi muda, untuk belajar menghargai kepelbagaian ini sebagai satu kekuatan. **Marilah kita bergerak ke hadapan dengan semangat KITA – sebuah masyarakat yang bersatu walau berbeza, serta sebuah bangsa Malaysia yang menghormati kepelbagaian.**

12. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam penghasilan filem ini. Anda semua telah memberikan sumbangan yang amat besar dalam usaha menyemai semangat perpaduan melalui seni. Semoga Tayangan Filem KITA – Sabah Menyambut Kepelbagaian ini berjalan lancar dan mencapai matlamatnya.

13. Dengan ini, saya **merasmikan Majlis Perasmian Tayangan Filem KITA – Sabah Menyambut Kepelbagaian.**

Sekian, terima kasih.